



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan  
Maklum Balas



Peta Laman

|                       |                                      |                                  |  |
|-----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|--|
| <a href="#">Utama</a> | <a href="#">Profil Kementerian</a> ▾ | <a href="#">Piagam Pelanggan</a> |  |
|-----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|--|

[Hubungi Kami](#) ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Mingguan Malaysia - Lari Cukai, Aset Ratusan Juta Dibeku](#)

## Mingguan Malaysia - Lari Cukai, Aset Ratusan Juta Dibeku

🕒 Ahad, Mac 12 2017



# Lari cukai, aset ratusan juta dibeku

Mingguan Malaysia 12/3

**KUALA LUMPUR 11 Mac** - Gara-gara gagal mengisytiharkan keuntungan hasil pendapatan perniagaan sebenar demi mengelak cukai, seorang hartawan bergelar Tan Sri yang memiliki aset mencecah ratusan juta ringgit dikesan terlibat dengan kegiatan memanipulasi proses jual beli hartanah.

Perkara itu terbongkar apabila lelaki terbabit yang juga merupakan pemilik beberapa syarikat perkilangan dan pengusaha projek hartanah berskala besar bertindak menyembunyikan kekayaannya dengan memindahkan hasil keuntungan perniagaan ke beberapa akaun lain.

**Tan Sri ini amat licik, dia melantik proksi bumiputera untuk mengendalikan urusan membeli tanah orang kampung pada harga rendah di kawasan yang bakal dibangunkan projek berkenaan.**

**SUMBER**

jualnya semula kepada kerajaan pada harga yang tinggi

Menurut sumber, lelaki terbabit dikesan memin- dahkan keuntungan daripa- da akaun syarikat ke akaun lain bagi tujuan mengelak membayar cukai mence- cah bernilai puluhan juta ringgit.

“Selepas diteliti, lelaki ini didapati terlibat dalam akti- viti memanipulasi proses jual beli tanah membabitkan pro- jek pembangunan yang dia tahu telah diluluskan kera- jaan di sebuah negeri di utara tanah air.

“Tan Sri ini amat licik, dia melantik proksi bumiputera untuk mengendalikan uru- san membeli tanah orang kampung pada harga ren- dah di kawasan yang bakal dibangunkan projek berke- naan. Kemudian dia men-

untuk setiap kaki persegi sebaik sahaja kerajaan mahu memulakan projek kelak,” ka- tanya.

Mengulas lanjut, sumber menjelaskan, lelaki terbabit bijak menggunakan prok- sinya itu berikutan pembe- lian hartanah berstatus tanah rizab Melayu.

“Maka secara tidak lang- sung memudahkan proses berkenaan sebelum dia mam- pu mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Bagi satu kes ini, kerajaan sudah me- ngalami kerugian pendapa- tan cukai hampir RM50 juta, bayangkan jika kegiatan ini telah berlaku sejak bertahun- tahun lalu,” ujarnya.

Tambah sumber, buat masa ini kesemua aset hartawan itu sudah dibekukan.



## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



**e-Penyertaan & Maklumbalas**



**Statistik & Prestasi**



**Pautan**



**Agensi**



---

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



---

[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**